

**Fakta  
nomor**

**128 KILOMETER**

panjang sempadan antara Kelantan-Thailand

**90 KILOMETER**

panjang Sungai Golok di sempadan Kelantan-Thailand

**646 KILOMETER**

panjang sempadan Malaysia-Thailand, merangkumi Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis



**Kawasan tebing Sungai Golok** di sepanjang pekan Rantau Panjang sering dijadikan tempat penyeludupan pelbagai barang terlarang.

# Roboh rumah, pindah penduduk di tanah rizab Sungai Golok

BH · 2/7/2017, ms. 4



➔ Inisiatif jangka panjang atasi isu penyeludupan yang lama aktif

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Mohd Zulkifli Zainuddin  
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**K**ementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mahu rumah atas tanah rizab Sungai Golok, diroboh dan penduduknya dipindahkan sebagai penyelesaian jangka panjang isu penyeludupan yang sekian lama aktif di kawasan itu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata ketamaan ketika ini adalah menyediakan kawasan gantian bagi menempatkan penduduk berkenaan.

“Sebagai pihak bertanggungjawab terhadap hal ehwal tanah, Kerajaan Kelantan wajar segera isytiharkan rizab sungai itu sebagai zon haram penempatan. Langkah ini akan memudahkan Kerajaan Pusat merangka

Langkah ini akan memudahkan Kerajaan Pusat merangka pelan keselamatan termasuk pembinaan tembok”

**Wan Junaidi  
Tuanku Jaafar,  
Menteri Sumber Asli  
dan Alam Sekitar**

pelan keselamatan termasuk pembinaan tembok.

#### Beri kesan keselamatan negara

“Pada 2014, ketika saya menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, pernah diadakan perbincangan dengan kerajaan negeri. Waktu itu, mereka mahu kos memindahkan penduduk di sana ditanggung Kerajaan Pusat,” katanya.

Wan Junaidi mengulas laporan bersiri BH yang mengupas isu penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand, dengan Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) mencadangkan supaya kawasan berhampirannya diwartakan sebagai zon keselamatan tanpa penempatan.

Sejak Jumaat lalu, BH membongkar isu Kelantan menjadi lubuk pil kuda, berikutan bahan larangan itu mudah diseludup masuk ke negara ini dari Thailand, antaranya disebabkan wujud penempatan di kawasan terbabit, yang turut merancakkan kegiatan seludup.

Wan Junaidi berkata, Kerajaan Kelantan perlu melaksanakan tanggungjawab terbabit, memandangkan isu penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand, memberi implikasi besar kepada aspek keselamatan negara, apatah lagi aktiviti jenayah ren-

tas sempadan.

“Soal kos berpindah, boleh terus dibincangkan kedua-dua pihak. Namun ia memerlukan usaha pemula iaitu sediakan kawasan untuk mereka berpindah dulu. Soal keselamatan tidak harus dikompromi, walaupun ada pihak yang saya yakin mungkin melihat ia daripada aspek kelangsungan politik.

“Kita kena asingkan isu keselamatan dan politik. Kalau hanya melihat kelangsungan politik saja, apa jadi kepada keselamatan? Sampai bila kita harus membiarkan penyeludupan ini berlaku,” tegasnya.

#### Sukarkan penyelenggaraan

Beliau mengakui, ribuan penempatan dibina di sepanjang Sungai Golok itu terletak atas tanah rizab sungai kendalian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), hingga ada kalanya menyukarkan penyelenggaraan saliran terbabit.

Wan Junaidi berkata, AKSEM dan agensi keselamatan lain tidak wajar dipersalahkan sepenuhnya memandangkan kawalan di sepanjang 90 kilometer (km) saliran Sungai Golok, memerlukan bilangan anggota peneguatu kuasa yang ramai.

“Tidak ada mana-mana negara pun mampu menempatkan anggota

keselamatan di sepanjang sungai itu. Ia terlalu panjang. Mustahil untuk kita letakkan seorang anggota pada setiap 100 meter,” katanya.

#### Sedia pertimbang syor AKSEM

Sementara itu di Kota Bharu, Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata kerajaan negeri sedia mempertimbangkan cadangan AKSEM supaya kawasan tebing sungai terbabit dikosongkan dan diwartakan sebagai zon keselamatan.

Sambil mengakui kewujudan rumah atas tanah rizab sungai itu menyumbang kepada penyeludupan, beliau berkata, langkah mengosongkan rizab sungai, kira-kira enam meter dari tebing dan diwartakan sebagai zon keselamatan tidak cukup membendung aktiviti itu.

“Kita beranggapan, cadangan membina pagar keselamatan di sepanjang sempadan adalah relevan kerana menutup terus kawasan sempadan.

“Sekiranya kami tidak membenarkan penduduk tinggal di kawasan berkenaan, ia seolah-olah bertindak zalim, sedangkan kami tidak mempunyai bukti mengatakan mereka terbabit dengan kegiatan penyeludupan,” katanya.